

## **PERANAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) DALAM MEMBANGUN MODAL INSAN GURU : SATU PERBINCANGAN**

**Zahiah Binti Haris @ Harith , Mustapha Kamal Bin Ahmad Kassim &  
Abdullah Bin Yusof**

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.  
[zahiah1970@yahoo.com.my](mailto:zahiah1970@yahoo.com.my)

### **Abstrak**

Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang amat penting kepada seorang pelajar Muslim kerana ianya boleh mendekatkan diri mereka kepada Allah S.W.T. dan mendalami ilmu agama Islam sebagai petunjuk jalan dalam kehidupan. Sejalan dengan itu, Pendidikan Islam adalah mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Bagi guru pelatih yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) , mereka dikehendaki mempelajari mata pelajaran ini berdasarkan Sukatan Pengajian Asas Pendidikan Islam yang digubal untuk melahirkan insan guru yang berketerampilan dalam semua aspek iaitu sahsiah, ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional dan nilai kerohanian yang positif selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Guru dan Falsafah Pendidikan Islam. Peranan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam membangun modal insan guru ialah dengan memberi kesedaran kepada guru pelatih mengenai tanggungjawab sebagai seorang guru. Peranan kedua pula ialah memberi kefahaman kepada guru pelatih mengenai pelbagai peranan yang sepatutnya diaplikasi oleh seorang guru. Manakala peranan ketiga ialah mendidik guru pelatih agar menghayati amalan para nabi dan para rasul dalam menyampaikan dakwah kepada umat manusia sebagai panduan dalam mendidik para pelajar . Seterusnya peranan terakhir, guru pelatih sewajarnya mengamalkan sifat mahmudah sebagai seorang guru kerana mereka adalah contoh kepada para pelajar. Kepentingan Pendidikan Islam dalam membangun modal insan guru ialah melalui mata pelajaran ini guru pelatih dapat menjadi guru sebagai '*role model*' , '*qudwah hasanah*' yang bermaksud ikutan yang baik atau contoh teladan yang baik. Begitu juga guru adalah insan yang paling hampir dengan para pelajar, maka sudah tentu apa yang dilakukan mudah mempengaruhi para pelajar mereka yang bakal menjadi modal insan yang berguna pada masa akan datang.

Kata kunci: mata pelajaran pendidikan Islam, modal insan guru, IPGM

## **Pengenalan**

Di Malaysia Pendidikan Islam merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari sebagai mata pelajaran teras bermula dari peringkat pra sekolah sehingga peringkat sekolah menengah. Ini menunjukkan bahawa Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang penting bagi memastikan pelajar Muslim mengetahui, memahami dan mengamalkan tuntutan ad-din al- Islam. Pendidikan Islam merupakan pendidikan yang berterusan untuk mendidik manusia mendekati diri kepada Allah S.W.T.. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam antara bidang ilmu yang diajar kepada para pelajar ialah mengenai Aqidah, Ibadah, Akhlak dan Sirah. Dua sumber utama bagi mata pelajaran ini ialah al-Quran dan as-Sunnah. Kedua-dua sumber ini telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. bahawa sesiapa sahaja di kalangan orang Islam yang berpegang dengan kedua-duanya tidak akan sesat selama-lamanya.

## **Konsep Pendidikan Islam**

Terdapat pelbagai pendapat sarjana terhadap definisi Pendidikan Islam. Pendidikan Islam adalah gabungan dua perkataan iaitu pendidikan dan Islam . Ini bererti ia adalah pendidikan yang berteraskan ad- din al- Islam. Justeru itu isi kandungan Pendidikan Islam sudah pasti berteraskan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan as- Sunnah. Pendidikan Islam juga mengajar seseorang Muslim agar beriman kepada Allah S.W.T. dengan cara yang betul seterusnya melaksanakan tuntutan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan melakukan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang.

Menurut Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas (1980) mendefinisikan Pendidikan Islam ialah “ pengenalan dan pengakuan yang secara beransur-ansur ditanamkan di dalam manusia, tentang tempat-tempat yang tepat dari segala sesuatu di dalam tatanan penciptaan sedemikian rupa, sehingga membimbing ke arah pengenalan dan pengakuan tempat Tuhan yang tepat di dalam tatanan wujud dan keberadaan”.

Seterusnya Abdul Halim El-Muhammady ( 1993 ) berdasarkan pendapat Khursyid Ahmad ( 1978 ) menyatakan Pendidikan Islam ialah “ proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu iaitu al-Quran dan as-Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuan mu’tabar untuk melahirkan insan salih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat”.

Manakala Zawawi Hj Ahmad (1994) ,sebahagian Sarjana Muslim mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai “suatu proses melaksanakan falsafah pendidikan dan menterjemahkannya secara realiti dalam usaha membina insan dan memasyarakatkannya mengikut falsafah Islam yang berasaskan prinsip-prinsip nilai yang dibawa oleh Islam”.

Ada pun Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri ( 2007) pula menyatakan Pendidikan Islam ialah “subjek yang menjadi alat untuk mendidik manusia kepada ajaran Islam” . Ini bererti kefahaman mengenai agama Islam sewajarnya dikuasai secara menyeluruh.

Jelas kepada kita bahawa Pendidikan Islam adalah pendidikan yang amat berharga kerana ia mendorong para pelajar untuk mengenal Allah S.W.T. terlebih dahulu seterusnya mendalami tuntutan terhadap keimanan tersebut. Seorang Muslim

sewajarnya menjalinkan hubungan yang baik bukan sahaja dengan Penciptanya tetapi juga dengan sesama manusia dan alam sekitar sebagaimana yang diajar oleh Nabi Muhammad S.A.W. berpandukan dua sumber utama iaitu al-Quran dan as-Sunnah tanpa mengenenpikan tugas utama manusia sebagai khalifah Allah yang berperanan memakmurkan alam ini.

### **Budaya Institut Pendidikan Guru Malaysia**

IPG adalah singkatan kepada Institut Pendidikan Guru . Ianya adalah salah satu bahagian yang utama di bawah organisasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Terdapat dua puluh tujuh IPG di Malaysia. Tujuan penubuhannya adalah sebagai institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan. Oleh itu sewajarnya ia mempunyai budayanya sendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Ia juga merupakan sebuah institut yang bertanggungjawab untuk melahirkan insan guru yang mempunyai integriti dan kredibiliti yang boleh diteladani, mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi , beradab, beramal dan boleh menjadi contoh teladan kepada para pelajarnya. Justeru itu , budaya IPG dibina dan dibentuk untuk melahirkan guru yang mengamalkan tujuh dimensi budaya iaitu ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat dan estetika ( Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Sejajar dengan itu, mata pelajaran Pendidikan Islam adalah di bawah budaya akhlak dan moral. Konsep budaya ini merujuk tingkah laku terpuji seperti tutur kata, tata tertib, sopan santun, akal budi dan kebijaksanaan ( mahmudah ). Budaya ini mestilah bertunjangkan kepercayaan kepada Tuhan, keharmonian perhubungan di antara manusia dengan pencipta dan perhubungan manusia dengan manusia dan alam sekitar. Ciri-ciri utama budaya ini ialah sentiasa bersyukur, merendah diri ( Tawadhuq), redha dengan Qada dan Qadar , Taqwa, ikhtiar dan doa serta mematuhi etika ( Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Terdapat dua strategi bagi dimensi budaya akhlak dan moral iaitu ‘Penampilan Diri Guru’ dan ‘Disiplin Kendiri’. Bagi strategi penampilan diri guru, terdapat enam amalan yang di sarankan iaitu adab mengajar , adab belajar, adab berilmu, adab berguru, budi bahasa dan ibadah. Manakala strategi disiplin sendiri pula amalan yang disarankan pula ialah pemantapan jati diri, budi pekerti mulia dan persaudaraan ( Ukhuwah ).

Enam amalan bagi strategi penampilan diri guru akan diperjelaskan satu persatu indikatornya. Indikator bagi adab mengajar ialah menepati masa, menggunakan kemahiran pedagogi dengan berkesan, mematuhi langkah-langkah pengajaran , menggunakan pelbagai sumber pengajaran dan pembelajaran dan mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya indikator bagi adab belajar ialah menepati dan menghargai masa, mendengar dengan baik dan penglibatan aktif. Bagi adab berilmu pula, indikatornya ialah menghargai dan menjunjung ilmu, memanfaatkan ilmu, menyebarkan dan mengongsi ilmu serta sentiasa menerokai ilmu. Adab berguru pula indikatornya ialah menghormati guru, memelihara kelakuan, memuliakan taraf guru , merendah diri ‘*Euphemism*’ ( menyatakan sesuatu yang negatif dengan cara yang positif ). Dari segi budi bahasa pula indikatornya ialah menjaga tutur kata, memelihara tingkah laku dan bersopan santun. Manakala indikator bagi amalan ibadah ialah mematuhi ajaran agama dan kepercayaan masing-masing.

Seterusnya kita beralih kepada strategi kedua bagi dimensi budaya akhlak dan moral iaitu disiplin sendiri. Strategi ini terdapat tiga amalan iaitu pemantapan jati diri, budi pekerti mulia dan persaudaraan (ukhuwah). Bagi amalan pemantapan jati diri, indikatornya ialah insan yang seimbang, ketahanan diri, berdaya saing, berdaya fikir, bijak dan bertanggungjawab mengurus masa, akauntabiliti, mengamalkan nilai sahsiah terpuji, penerapan nilai-nilai murni, penerapan nilai-nilai Islam dan prinsip Islam Hadhari. Manakala amalan budi pekerti mulia pula indikatornya ialah iman (mempunyai pegangan hidup), amal (dilakukan berterusan) dan ihsan (kesempurnaan hidup). Indikator bagi amalan persaudaraan (ukhuwah) ialah menjadi teladan, kemesraan dalam perhubungan, berkasih sayang, bertimbang rasa, hormat-menghormati dan bertolak ansur.

Dimensi ini amat menitik beratkan pembangunan modal insan guru yang bakal dilahirkan kerana strategi yang diberi penekanan ialah penampilan diri guru dan disiplin sendiri. Kedua-dua strategi ini jika amalan-amalan tersebut diamalkan oleh guru pelatih apabila menjadi guru yang sebenar sudah pasti matlamat ini dapat direalisasikan.

### **Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia**

Guru pelatih yang menjalani latihan perguruan di IPG diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam bagi yang beragama Islam dan Pendidikan Moral bagi yang bukan Islam. Bagi guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah yang menjalani latihan selama setahun, diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dalam tempoh pengajian mereka. Mata pelajaran ini mesti dipelajari dalam masa 15 jam bersamaan 1 kredit. Tajuk yang ditetapkan untuk dipelajari oleh guru pelatih ialah Tilawah Al-Quran dan Hafazan, Aqidah, Ibadah, Akhlak dan moral. Manakala bagi guru pelatih Pra Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pula diwajibkan mempelajari semasa peringkat pra iaitu dalam semester pertama sebanyak 30 jam bersamaan 2 kredit. Tajuk yang ditetapkan untuk dipelajari meliputi ilmu Al-Quran, Aqidah, Ibadah, Akhlak, Sirah dan Tasawwur Islam.

Sukatan Pelajaran Pengajian Asas Pendidikan Islam merupakan satu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Ia bertujuan untuk melahirkan insan berilmu, berperibadi mulia, berkemahiran dan bersikap positif untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Tujuan ini sesuai dengan hasrat Bahagian Pendidikan Guru untuk melahirkan insan guru yang berakhlak mulia, berpandangan progresif, saintifik dan bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu demokratik, progresif dan berdisiplin. Sukatan ini juga diharapkan dapat melahirkan insan guru yang berketerampilan, berilmu, beramal, menjadi model yang baik '*Qudwah Hasanah*' kepada murid dan masyarakat, berbakti kepada negara serta melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Pengajian Asas, KPLI, 2003).

Di antara objektif setelah mempelajari Pendidikan Islam, diharapkan guru pelatih dapat membaca, memahami dan menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan betul serta mengamalkan pengajarannya; mengetahui, memahami dan menghayati Aqidah

Islamiah dan asas-asas penting yang berkaitan dengannya; mengenal pasti dan menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang merosakkan Aqidah; mengetahui, memahami dan mengamalkan perkara-perkara yang berhubung dengan Fardu 'Ain dan Asas Hukum Islam; menghayati dan mengamalkan akhlak Islam dalam kehidupan serta mengaitkannya dengan wawasan negara dan mengetahui dan memahami konsep tasawwur Islam (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Pengajian Asas, KPLI, 2003).

Strategi pelaksanaan Pendidikan Islam di IPG menggunakan pendekatan 'Developmental' berdasarkan kepada kesinambungan penguasaan kemahiran dan amalan yang seimbang antara aspek teori dan amali. Para pensyarah digalakkan menggunakan pendekatan yang berpusatkan pelajar dan berbentuk kontekstual seperti kaedah tunjukcara, perbincangan kumpulan, sumbangsaran, forum, simulasi, lawatan, refleksi, amali dan penggunaan 'Information Communication Technology' (ICT) dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Konsep Pembangunan Modal Insan**

Perkataan pembangunan menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) bermaksud (1) perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan) atau (2) usaha atau kegiatan membangun (memajukan dan mengembangkan). Manakala perkataan modal pula menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) bermaksud sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain. Seterusnya perkataan insan menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) bermaksud manusia.

Para sarjana mempunyai pendapat yang pelbagai mengenai pembangunan modal insan. Menurut Shuhairimi Abdullah et. al (2006), pembangunan modal insan merupakan aset paling berharga dan modal terpenting. Oleh itu untuk membangunkannya hendaklah bertitik tolak dari persepsi yang tepat tentang hakikat insan, ciri-ciri dan potensinya. Penciptaan manusia adalah istimewa kerana dikurniakan akal fikiran. Manusia diutuskan di dunia ini sebagai hamba Allah S.W.T untuk menjadi khalifah yang berperanan membangun alam dan mentamadkannya dalam erti mentransformasikan *nature* kepada *culture*.

Kualiti modal insan bergantung pada kekuatan ilmu dan kecanggihan keterampilan yang dimiliki seseorang. Secara prinsipnya, al-Quran merupakan sebuah kitab yang menjelaskan tentang formula yang sempurna kepada manusia untuk membentuk satu sistem cara hidup yang komprehensif dan terbaik. Ciri-ciri insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, memiliki akhlak yang tinggi, bertoleransi dan mempunyai daya saing. Asas-asas pembangunan modal insan ialah berasaskan elemen kerohanian yang dianalogi seperti pokok atau teras, manakala elemen sampingan seperti ekonomi, bahasa, sains dan teknologi, perindustrian, politik, kebudayaan yang dikategorikan sebagai ranting, yang mengeluarkan daun dan buah kerana patuh kepada sunnatullah (Muhammad Uthman, 1992).

Dr Abd Rahman bin Ahmad (2006) pula menyatakan Islam merupakan sistem hidup yang lengkap dan sempurna, mempunyai dimensi yang lebih jauh dalam membincangkan modal insan kerana modal insan itu mempunyai asas-asas penting. Di antara asas-asas penting tersebut manusia sebagai sebaik-baik ciptaan Allah S.W.T seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam surah at-Tin ayat 4 dan as-Sajadah ayat 7; manusia sebagai khalifah seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam

surah al-Baqarah ayat 30; manusia diberi kelebihan dan kekuatan ilmu seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam surah al- Baqarah ayat 33; manusia makhluk yang dimuliakan Allah S.W.T. dengan segala kemudahan bagi mentadbir dan mengurus alam seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam surah al-Isra' ayat 70; manusia di lengkapkan dengan pendengaran, penglihatan dan perasaan (af'idah) bagi menjalani kehidupan di dunia ini seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam surah as-Sajadah ayat 7 dan manusia perlu menjadikan dirinya sebagai hamba Allah dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diterimanya seperti mana yang diterangkan oleh Allah S.W.T. dalam surah az-Zariat ayat 56.

Oleh itu, apa yang dimaksudkan dengan modal insan menurut perspektif Islam ialah satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia ,penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran bagi manusia dan alam seluruhnya.

### **Peranan Pendidikan Islam Dalam Membangun Modal Insan Guru**

Pendidikan Islam adalah mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh guru pelatih di IPGM. Ini menunjukkan bahawa ia penting untuk membangun modal insan khususnya guru pelatih. Guru pelatih merupakan pelajar yang dilatih untuk menjadi guru pada masa akan datang selepas mereka tamat mengikuti kursus perguruan di IPGM. Peranan utama yang diharapkan melalui mata pelajaran ini ialah agar guru pelatih yang dilatih dapat menjadi modal insan yang berguna, bertanggungjawab, berdisiplin, amanah, berakhlak baik dan berjaya mendidik para pelajar mereka pula pada masa akan datang.

Bagi memastikan peranan ini dapat direalisasikan maka pensyarah Pendidikan Islam hendaklah memainkan peranan untuk melahirkan guru pelatih yang boleh menjadi modal insan yang diharapkan iaitu :-

### **Memberi Kesedaran Kepada Guru Pelatih mengenai Tanggungjawab sebagai Seorang Guru**

Tanggungjawab sebagai seorang guru adalah kompleks. Guru bukan hanya menyampaikan pelajaran kepada para pelajarnya tetapi hendaklah melaksanakan pelbagai peranan. Peranan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya seseorang guru itu tidak mengetahui, memahami dan menghayati tugas dan tanggungjawabnya .

Menurut Mohd Azam Mahat ( 2009 )terdapat empat bahagian tanggungjawab seorang guru.Tanggungjawab guru yang pertama ialah terhadap pelajaran, tanggungjawab kedua pula terhadap ibu bapa, manakala yang ketiga terhadap masyarakat dan negara dan yang terakhir tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan.

Imam al-Ghazali pula menyatakan terdapat lapan tanggungjawab guru iaitu mencari ilmu, beramal dengan ilmu, menyayangi pelajar, mengajar dengan niat menyelamatkan pelajar daripada kesengsaraan akhirat, meneladani Nabi S.A.W., tidak menganggap dirinya orang yang paling berjasa kepada pelajar,mengutamakan pahala daripada yang lain dan memandang akibat buruk jika guru lalai dengan tanggungjawab (Mohd Azam Mahat 2009 ).

Manakala Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri ( 2007) pula menyatakan terdapat lima ciri guru Muslim berdasarkan tugas dan tanggungjawab mereka. Lima

ciri guru tersebut ialah guru sebagai *mudarris* ( pengajar ), *muaddib* ( pembentuk adab), *murabbi* ( membesarkan, memelihara, memberi makan dan mendidik supaya berakhlak mulia ), *mursyid* ( pemberi petunjuk ) dan *mu'allim* ( pengajar atau guru atau pendidik) yang dikenali sebagai 5M.

Nyatakan kepada kita bahawa tugas dan tanggungjawab guru bukan hanya menyampaikan ilmu tetapi mempunyai tanggungjawab kepada pelbagai pihak yang berkaitan dengan pelajar semata-mata untuk melahirkan modal insan yang seimbang dalam semua aspek.

### **Memberi Kefahaman Kepada Guru Pelatih mengenai Pelbagai Peranan yang Sepatutnya Diaplikasi oleh Seorang Guru**

Peranan yang kedua untuk membangun modal insan guru melalui mata pelajaran ini ialah memberi kefahaman kepada guru pelatih mengenai pelbagai peranan yang sepatutnya diaplikasi oleh seorang guru. Antara peranan yang sepatutnya dilaksanakan oleh seorang guru ialah sebagai pendidik, pemudah cara, perunding atau konsultan, pengurus, pengkaji, kaunselor, model dan ejen perubahan.

Maksud guru sebagai pendidik ialah guru bukan hanya berperanan untuk mengajar ilmu pengetahuan sahaja tetapi yang paling penting ialah memberi penekanan kepada mengamalkan nilai-nilai murni berasaskan ajaran agama dan sepertimana yang digariskan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Seterusnya kita lihat pula kepada peranan guru sebagai pemudah cara. Maksudnya ialah guru tidak menyampaikan ilmu semuanya kepada para pelajar tetapi cuba mewujudkan suasana agar para pelajar mempunyai kesedaran untuk mencari ilmu, maklumat tambahan agar pengetahuan dalam pembelajaran mereka lebih mantap.

Guru juga berperanan sebagai perunding atau konsultan. Ianya bererti guru hendaklah mempersiapkan diri dengan pengetahuan yang secukupnya dalam bidangnya dan juga mempunyai ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan pendidikan. Oleh itu guru hendaklah banyak membaca agar ilmu dan maklumat terkini diperolehi supaya boleh menjadi pakar rujuk kepada para pelajar dalam pelbagai bidang.

Peranan seterusnya guru sebagai seorang pengurus. Tugas mengurus bagi seorang guru bermaksud beliau hendaklah mengetahui proses tertentu sebelum membuat sesuatu aktiviti sama ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti ko kurikulum dan aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan. Proses yang perlu dilaksanakan untuk berperanan sebagai seorang pengurus ialah membuat perancangan, menyusun dan melaksanakan aktiviti yang dirancang sebaik mungkin agar objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

Begitu juga guru hendaklah berperanan sebagai pengkaji yang bermaksud seorang guru hendaklah sentiasa menyelidik dan menganalisis kemajuan pelajar.

Guru juga sewajarnya berperanan sebagai kaunselor. Hal ini bererti sekiranya guru berhadapan dengan pelajar yang mempunyai masalah, hendaklah mendekati mereka, mengenalpasti masalah dari faktor dalaman dan luaran bagi mendapatkan jalan penyelesaian terbaik. Seterusnya cuba membimbing dan menasihati mereka.

Peranan paling penting bagi seorang guru ialah sebagai *role model*. Setiap tindak tanduk guru sentiasa menjadi perhatian para pelajar. Oleh itu sewajarnya seorang guru menunjukkan contoh teladan yang baik. Apabila kita bercakap tentang sesuatu perkara pastikan ianya kita laksanakan terlebih dahulu barulah para pelajar menghormati dan mengamalkannya.

Robiah Sidin (1998) menyatakan bahawa guru mesti sama-sama bertungkus-lumus dengan para pelajar supaya matlamat pendidikan tercapai. Kajian juga telah menunjukkan bahawa guru yang bersungguh-sungguh dan cekap adalah lebih berkesan dari guru yang berprestasi cemerlang. Jelas kepada kita bahawa guru yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta membetulkan kesalahan pelajar secara berterusan dan terperinci dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Apabila guru dapat melaksanakan pelbagai peranannya sebagai pendidik, pemudah cara, perunding, pengurus, pengkaji, kaunselor dan *role model* maka matlamat pendidikan yang digariskan dapat dicapai .

### **Mendidik Guru Pelatih agar Menghayati Amalan Para Nabi dan Para Rasul dalam Menyampaikan Dakwah**

Peranan seterusnya ialah mendidik guru pelatih agar menghayati amalan para nabi dan para rasul dalam menyampaikan dakwah. Guru merupakan pewaris nabi. Ini kerana guru adalah insan yang berusaha mendidik manusia kepada jalan yang benar. Seorang guru tidak akan menyuruh pelajarnya melakukan kejahatan.

Apabila guru berperanan sebagai pendakwah maka beliau hendaklah mengetahui *uslub* ( cara ) berdakwah mengikut kesesuaian jawatan yang disandangnya. Jika guru itu sebagai guru agama, sewajarnya menunjukkan peribadi yang baik, memberi teguran sekiranya pelajar melakukan kesalahan, ruangkan masa untuk menjadi imam, memberi tazkirah dan melaksanakan program berfaedah seperti khemah ibadah, kem bestari solat dan lain-lain. Begitu juga jika guru sebagai guru besar atau pengetua, maka tugas dakwahnya lebih kompleks. Beliau boleh menggunakan kuasanya untuk menyuruh warga sekolah melaksanakan program yang baik dan melarang dari membuat program yang tidak berfaedah. Program yang baik contohnya mengadakan minggu kerohanian manakala program yang tidak berfaedah seperti majlis tari-menari. Jika seorang guru itu berjawatan guru disiplin, beliau dianggap sebagai penguat kuasa undang-undang di sekolah. Oleh itu jika pelajar membuat kesalahan maka guru disiplin hendaklah mengambil peluang memberi teguran yang berhikmah dan jangan mengambil sikap membiarkan sahaja. Seterusnya sebagai guru akademik pula, maka semua guru yang mengajar apa-apa subjek hendaklah berperanan mendidik para pelajar mereka melalui subjek yang diajar dengan menerapkan nilai-nilai murni. Sebagai guru kaunseling pula mereka sering dirujuk oleh murid yang menghadapi masalah. Justeru itu guru kaunseling semestinya mengambil peluang ini untuk mendidik mereka ke jalan yang benar (Mohd Azam Mahat 2009).

Tugas dan tanggungjawab berdakwah bagi setiap guru dengan jawatan yang berbeza apabila ditunaikan secara kolektif sudah tentu kita mampu melahirkan modal insan yang cemerlang pada masa akan datang.

## **Mengamalkan Sifat Mahmudah sebagai Seorang Guru**

Rasulullah S.A.W. merupakan pesuruh Allah S.W.T yang membawa rahmat ke seluruh alam ini. Pada diri Rasulullah S.A.W. adalah ikutan yang baik. Ini jelas dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*“ Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, Iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” (Surah Al:Ahzab (33):21)*

Oleh itu seorang guru hendaklah menunjukkan akhlak yang baik supaya apa yang disampaikan mudah diikuti dan dipatuhi oleh para pelajarnya. Pada zaman Rasulullah S.A.W. ramai yang memeluk Islam selepas mereka terpegun dengan akhlak yang baik dan mulia yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W..Antara cara yang Rasulullah S.A.W. laksanakan ketika mendidik para sahabat ialah memulakan dengan diri sendiri dalam melakukan sesuatu ibadah atau amalan yang baik. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud :-

*“Wahai orang-orang Yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa Yang kamu tidak melakukannya!. Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu Yang kamu tidak melakukannya.” Surah as-Saf (61) : 2-3*

Seterusnya Rasulullah S.A.W. bercakap benar dan amanah sehingga baginda digelar *al-Amin*. Baginda Rasulullah juga selalu mengadakan jamuan makan, memudahkan dalam berdakwah, memanggil dengan gelaran yang baik, menegur tanpa memalukan orang yang melakukan kesalahan, memberi pujian, ada unsur kecindaan dan bergurau , membuka celik akal, sabar, berstrategi, menggunakan bahasa yang indah, selalu mendoakan orang lain, bersesuaian dengan keadaan sasaran, bersikap terbuka, meraikan pandangan orang lain dan tidak berdendam dan pemaaf (Mohd Azam Mahat 2009).

Sekiranya guru dapat mencontohi sifat mahmudah yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, sudah pasti usaha untuk melahirkan modal insan yang berketerampilan dapat dicapai.

## **Penutup**

Kesimpulan bagi kertas kerja ini ialah melalui Pendidikan Islam yang diajar kepada guru pelatih di IPGM dapat berperanan untuk membangun modal insan guru. Guru adalah aset utama dan penting kepada negara kerana melalui peranan guru di sekolah menentukan modal insan yang bakal menerajui negara dalam masa sepuluh atau dua puluh tahun akan datang. Justeru itu menjadi kewajipan kepada para pensyarah Pendidikan Islam khususnya di IPGM untuk membangun modal insan guru yang mereka latih pada masa sekarang agar guru yang dilatih tersebut mampu mendidik pelajarnya agar menjadi modal insan yang dapat memberi sumbangan kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

## **Rujukan**

Al-Quran al-Karim

- Ab. Halim Tamuri dan Kamarul Azmi Jasmi. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran . Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Ta'zim.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1993). Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh. Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur Dan Strategi. hlm. 14-24 . Tekno Edar, Selangor .
- Abdul Rahim Hamdan. (2007). Pengajian Kurikulum Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Ta'zim.
- Abd Rahman bin Ahmad (Dr). (2006). Pembangunan Modal Insan Apa dan Kenapa Perlu dalam Konteks Organisasi di Malaysia. Human Resources Academy , Kedah.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Panduan Budaya Institut Pendidikan Guru (IPG). Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Pengajian Asas Kursus Perguruan Lepas Ijazah ( Sekolah Rendah). Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). Kamus Dewan Edisi Ketiga .Cetakan Ketujuh. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ghazali Darusalam (2001). Pedagogi Pendidikan Islam. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.,Selangor.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cetakan Kesebelas. (2000). Tafsir Pimpinan Ar –Rahman Kepada Pengertian al-Quran. DarulFikir , Kuala Lumpur.
- Mohd Azam Mahat. (2009). Guru Pendidik, Pengajar atau Pendakwah?. Karisma Publications Sdn.Bhd., Selangor.
- Muhammad Uthman, M. (1992). Pembersihan dan Perkembangan Diri serta Pengukuhan Rohani Menurut Kacamata Islam. (Kertas Kerja). Seminar Pembudayaan Ilmu dan Pengukuhan Rohani Menjelang Abad Baru. Kajang .
- Shuhairimi Abdullah et.al, (2006). Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan : Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif Al-Quran. (Kertas Kerja). Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Al-Naqib Al-Attas. (1980). Konsep Pendidikan Dalam Islam. Mizan,Bandung.
- Zawawi Hj Ahmad. (1994). Pendidikan Islam: Ditinjau Daripada Sudut Prinsip, Konsep dan Matlamatnya. Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah. hlm.13-60. Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, Selangor .